

Kerjasama IKM dan UMS dalam mencetus celik digital Revolusi Industri 4.0

13/12/19 5

KOTAKINABALU: Menyedari hakikat kepentingan Revolusi Industri 4.0, Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Sabah dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mencetuskan evolusi dengan penganjuran Seminar Penjenamaan Online Dalam Dunia Digital, 7 Strategi Berkesan Untuk Perniagaan yang telah diadakan pada 6 Disember 2019 bertempat di Dewan Kuliah Pusat 4, UMS.

Seminar ini dihadiri oleh peserta yang terdiri daripada pelajar Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS, pelajar daripada Koperasi Siswa Universiti Teknologi Mara Sabah (Ko-Siswa), bakal usahawan dan juga koperasi yang terlibat dalam program MiRiCLE IKM Zon Sabah.

Ucapan aluan disampaikan oleh Norbiha Kasmuri, Pengarah IKM Zon Sabah dan majlis disempurnakan pula dengan ucap tama oleh Dr. Arif @ Kamisan Pusiran, Pemangku Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS.

Arif menyatakan dalam era globalisasi masa kini, graduan, bakal usahawan dan sektor koperasi perlu merebut peluang dalam aplikasi Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) yang melibatkan teknologi automasi yang memberi cabaran

baharu kepada semua seiring dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing.

Bidang keusahawanan telah terbukti memberikan pulangan yang lumayan berbanding berkerja makan gaji.

“Oleh yang demikian, graduan dan bakal usahawan perlu dibekalkan dengan kemahiran penting sebagai persediaan dalam menceburi bidang keusahawanan termasuklah penjenamaan produk dan perkhidmatan sama ada secara online ataupun offline berdasarkan kepentingan jenama kepada sesuatu perniagaan.

Penjenamaan bertujuan untuk mewujudkan kehadiran yang ketara dan berbeza dalam pasaran yang mampu menarik pelanggan baharu dan mengekalkan pelanggan sedia ada.

Dalam pada itu, Norbiha

Kasmuri turut mengulas penganjuran seminar pada hari ini adalah selaras dengan Teras 3 IKM iaitu IR4.0.

Beliau menegaskan pendekatan IKM pada tahun 2020 adalah berpaksikan pada lima Teras Utama iaitu MiRiCLE (Million Ringgit Coop League), Keusahawanan Koperasi, IR 4.0, SDG dan Keusahawanan Sosial serta Rejuvenasi Koperasi untuk membantu memulihkan koperasi yang tidak aktif dan dorman.

Perkongsian ilmu telah disampaikan oleh dua orang penceramah iaitu Kamaruzaman Jahidin dari Powernode Solutions SB dan juga Abd Azharee Abdul Wahid dari Akademi Usahawan Mikro Bhd.

Penganjuran seminar pada kali ini adalah sangat bermanfaat di mana ia mampu



PENGHARGAAN: Penyampaian momento daripada Norbiha kepada Arif, Pemangku Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS.

membantu beliau, usahawan dan koperasi mendapatkan ilmu terkini yang praktikal tentang teknik dan strategi pembangunan jenama yang

tersohor yang seterusnya dapat melonjakkan prestasi perniagaan ke peringkat yang lebih tinggi dan mampu bersaing dalam era IR4.0.



CENDERAHATI: Norbiha (tengah) menyampaikan cenderahati kepada Kamaruzaman dan Abd Azharee.



ALBUM KENANGAN: Bingkisan foto berkumpulan bersama semua peserta.



PESERTA: Sebahagian peserta seminar yang mengaplikasi ilmu.